

Agih ekonomi lebih adil, inklusif

BH - 6/10/2019 ml'2

Penetapan sasaran
petunjuk jelas
jamin kejayaan
WKB 2030

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi,
Luqman Arif Abdul Karim dan
Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my


Kuala Lumpur: Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) yang dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam, menetapkan 10 sasaran ekonomi utama dan fokus agihannya menjelang 2030.

Bertemakan 'Penyusunan Semula Keutamaan Pembangunan Malaysia', dasar berkenaan dirangka bagi menjadikan Malaysia terus meneruskan membangun secara mampan, seiring pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif di setiap peringkat.

Berucap melancarkan WKB 2030, Dr Mahathir berkata, penetapan sasaran dan petunjuk yang jelas serta komprehensif adalah penting untuk menjamin kejayaan awasan berkenaan.

Katanya, selain petunjuk utama, petunjuk dan sasaran lain berdasarkan teras strategik, pembolehdayaan dan inisiatif, akan diperkenalkan kepada menteri dan kementerian, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta agensi supaya dapat dijejarkan ke arah pencapaian matlamat besar kemakmuran bersama.

"Melalui cara ini, kita akan mengembalikan kepercayaan kepada pasaran dan pelabur serta mampu meletakkan Malaysia sebagai Ha-



Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada majlis pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

rimau Asia baharu. Dengan pertumbuhan, pengagihan ekonomi dapat dilakukan dengan lebih baik.

"Ia sekali gus mewujudkan keharmonian dan kestabilan kerana matlamat utama ialah menyedaikan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia menjelang 2030," katanya.

Majlis pelancaran wawasan berkenaan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Perdana Menteri berkata, dasar itu turut mengambil kira pelbagai kerangka pemikiran, pandangan dan falsafah yang terangkum dalam konteks sosiobudaya masya-

arakat Malaysia yang unik.

Katanya, terdapat tiga objektif ingin dicapai melalui wawasan tersebut, iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.

Dr Mahathir berkata, WKB 2030 yang mengandungi tujuh teras strategik dan 15 prinsip panduan sudah dimuatkan dalam pentadbiran serta pembangunan negara, termasuk inti pati Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan 11 Oktober ini.

Menjelang 2021, beliau berkata, dokumen rasmi kerajaan yang menjadi kelangsungan Wawasan 2020 akan dilaksanakan sepenuhnya tanpa perlu melakukan teralalu banyak penajajaran semula terhadap hala tuju dan

dasar negara.

Katanya, WKB 2030 kelangsungan kepada wawasan terdahulu, tetapi mengambil kira keadaan semasa serta jangkaan keadaan dalam tempoh 10 tahun akan datang, diterjemahkan kepada strategi serta tindakan menerusi pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), tahun depan.

"Wawasan ini akan dimulakan seiring Belanjawan Kemakmuran Bersama 2020 yang bakal diumumkan tidak lama lagi dan menjadi titik permulaan supaya ia dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam RMKe-12 dan RMKe-13," katanya.

Mengenai tujuh teras strategik dalam WKB 2030, beliau berkata, ia dibangunkan sebagai kunci untuk menjayakan inisiatif wawasan itu, antaranya penggemble-

ngan struktur perniagaan dan industri supaya mampu beradaptasi dengan ekonomi masa depan.

Katanya, selain memperkukuh kegiatan ekonomi sedia ada, penerokaan aktiviti pertumbuhan ekonomi baharu diharap membolehkan Malaysia turut menjadi negara pencipta, pengeluar, pembekal dan penyedia perkhidmatan kepada ekonomi masa depan yang lebih kompetitif.

Dr Mahathir berkata, teras lain adalah transformasi modal insan harus fokus kepada penyediaan sumber tenaga lebih produktif, efektif, berkemahiran, berteknologi dan bernilai tinggi, termasuk dalam industri ekonomi baharu.

"Teras Strategik Pengukuhan Pasaran Buruh dan Peningkatan Pampasan Pekerja berhasrat menilai semula dan memperkukuh dasar pekerjaan, kesatuan sekerja, gaji dan menangani diskriminasi gender, umur, etnik dan agama di tempat kerja.

"Ia bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan penggunaan pekerja asing," katanya yang menyifatkan WKB 2030 sebagai amanah kepada pemimpin serta hadiah dan milik generasi masa hadapan.

Teras Strategik Kesejahteraan Sosial pula menekankan persoalan kesejahteraan terutama kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40), miskin tegar, rentan ekonomi, masyarakat terpinggir dan terpercail serta mereka dalam transisi ekonomi.

Strategi seterusnya, kata Perdana Menteri, adalah keterangkuman wilayah yang menekankan pembangunan titik panas ekonomi, khususnya di luar Lembah Klang dan bandar ekonomi utama.